

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI

SOALAN : NO. 393

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan jumlah staf akademik dan jumlah pelajar di universiti-universiti awam dari tahun 2010 hingga 2017 (mengikut universiti dan tahun).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik Kementerian Pendidikan Tinggi, jumlah staf akademik di Universiti Awam (UA) pada tahun 2014 adalah seramai 31,917 orang, pada tahun 2015 adalah seramai 31,877 orang dan pada tahun 2016 adalah seramai 31,712 orang.

Manakala bilangan enrolmen pelajar di UA bagi tahun 2014 pula adalah seramai 563,186 orang, tahun 2015 seramai 540,638 orang dan tahun 2016 seramai 532,049 orang.